



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**04 Zulkaedah 1441 / 26 Jun 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 04 Zulkaedah 1441H bersamaan 26 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, terdapat **428** orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,616** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Manakala, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 593 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 28,395 ujian.
  
4. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **401,284 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah **10,709** telah mendaftar. Manakala, berkenaan aplikasi premiseScan pula, sejumlah **5,816** telah dimuat turun oleh **4,228 premis perniagaan**.
  
5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 04 Zulkaedah 1441H / 26 Jun 2020